

**RESPON PEMIMPIN-PEMIMPIN KESATUAN
SEKERJA DALAM MENGHADAPI PANDEMIK
COVID-19: KAJIAN KE ATAS KESATUAN
PEKERJA-PEKERJA INDUSTRI
PERKAYUAN SABAH
(STIEU)**

NURSYIFA SYAHIRA BINTI KAMARUDDIN

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2021**



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**RESPON PEMIMPIN-PEMIMPIN KESATUAN
SEKERJA DALAM MENGHADAPI PANDEMIK
COVID-19: KAJIAN KE ATAS KESATUAN
PEKERJA-PEKERJA INDUSTRI
PERKAYUAN SABAH
(STIEU)**

NURSYIFA SYAHIRA BINTI KAMARUDDIN

**TESIS INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN PENGIJAZAHAN IJAZAH
SARJANA MUDA SAINS SOSIAL**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2021**



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PUMS 99:1

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL : _____

IJAZAH : _____

SAYA : _____ SESI PENGAJIAN : _____

(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis *(LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:

(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap: _____

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

(NAMA PENYELIA)

TARIKH: _____

TARIKH: _____

Catatan:

*Potong yang tidak berkenaan.

*Jika tesis ini SULIT dan TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

*Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara Penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

PENGAKUAN PELAJAR

Penulisan ini adalah hasil kerja saya sendiri yang bertajuk Respon Pemimpin-Pemimpin Kesatuan Sekerja dalam Menghadapi Pandemik COVID-19 yang mana kajian ini memfokuskan kepada Kesatuan Pekerja-Pekerja Industri Perakayuan Sabah (STIEU), kecuali nukilan, ringkasan dan tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

23 Ogos 2021

NURSYIFA SYAHIRA
BINTI KAMARUDDIN

BA18110205



PENGESAHAN

RESPON PEMIMPIN-PEMIMPIN KESATUAN SEKERJA DALAM MENGHADAPI PANDEMIK COVID-19: KAJIAN KE ATAS KESATUAN PEKERJA-PEKERJA INDUSTRI PERKAYUAN SABAH (STIEU)

Oleh:

NURSYIFA SYAHIRA BINTI KAMARUDDIN

BA18110205

Latihan ilmiah ini dikemukakan bagi memenuhi sebahagian daripada syarat untuk memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan Kepujian dalam bidang Hubungan Industri.

Penyelia

EN. AZIZAN BIN HJ. MORSHIDI

Pensyarah Hubungan Industri

DR. KEE. Y. SABARIAH KEE Y. YUSSOF

Ketua Program Hubungan Industri

Tarikh:

Tarikh:

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang, Alhamdulillah, dengan izin Allah SWT saya dapat menyiapkan penyelidikan ini dengan jayanya.

Terdapat beberapa pihak yang ingin saya berikan setinggi-tinggi ucapan terima kasih atas bantuan dan sokongan yang telah diberikan. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Penyelia Akademik saya iaitu **Encik Azizan bin Hj. Morshidi** atas segala tunjuk ajar yang diberikan daripada awal penulisan sehinggalah saya berjaya menyiapkan keseluruhan penyelidikan bagi peringkat Ijazah Sarjana Muda ini.

Seterusnya, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Penyelaras Latihan Ilmiah Hubungan Industri iaitu **Dr. Noor Syakirah bte Zakaria** kerana telah memberikan bimbingan mengenai penulisan penyelidikan ini dan sering memberikan nasihat yang membina. Tidak lupa juga, ucapan terima kasih juga kepada pensyarah-pensyarah bagi Program Hubungan Industri yang secara tidak langsung memberi tunjuk ajar serta dorongan bagi menaikkan semangat dan juga memotivasikan saya dalam menyiapkan penyelidikan ini.

Selain itu, penyelidikan ini tidak akan selesai dengan jayanya tanpa dorongan daripada insan yang disayangi iaitu ibu saya, **Puan Marwiah binti Tumbas** berserta kedua orang adik saya yang sering memberikan sokongan moral agar saya mampu menyiapkan penyelidikan dengan baik walaupun terpaksa berhadapan dengan pelbagai cabaran sepanjang tempoh pandemik ini.

Akhir sekali, jutaan terima kasih diberikan kepada semua yang terlibat dalam proses menyiapkan penyelidikan ini sama ada secara langsung dan tidak langsung. Sekali lagi, terima kasih.

ABSTRAK

Masyarakat di seluruh dunia telah dikejutkan dengan krisis kesihatan yang teruk akibat wabak COVID-19 yang pada mulanya muncul di wilayah Hubei, Wuhan dan kemudiannya tersebar luas ke pelbagai buah negara di seluruh dunia. Pandemik ini bukan sahaja menimbulkan masalah kesihatan namun juga memberi impak yang signifikan kepada sektor ekonomi dan pekerjaan. Justeru, bagi menghadapi dampak pandemik ini, respon yang pantas dan inovatif daripada pihak tertentu amatlah penting agar mereka dapat mengelakkan kesan yang lebih buruk dan beradaptasi dengan situasi yang sedang berlaku. Banyak kajian yang dijalankan sepanjang COVID-19 ini menunjukkan bahawa wabak tersebut memberikan kesan yang berbeza kepada pelbagai jenis sektor atau pekerjaan. Oleh itu, dengan memfokuskan kepada industri perkayuan dan juga kesatuan sekerja, kajian ini dijalankan untuk mengkaji impak pandemik COVID-19 terhadap pekerja yang merupakan ahli Kesatuan Pekerja-Pekerja Industri Perkayuan Sabah (STIEU) dan mengenal pasti respon pemimpin-pemimpin STIEU dalam menghadapi pandemik ini. Dengan menggunakan pendekatan kualitatif, pengkaji telah menemu bual tiga orang pemimpin kesatuan sekerja bagi mendapatkan data, yang kemudiannya dianalisis secara analisis tematik. Secara kesimpulannya, kajian ini mendapati pandemik COVID-19 telah mengakibatkan pendapatan para pekerja terjejas dan juga berlakunya pembuangan pekerja dalam organisasi serta pemimpin kesatuan juga telah memberikan respon yang sewajarnya dalam menghadapi pandemik ini. Berdasarkan kepada hasil kajian ini, pengkaji juga mencadangkan satu pendekatan yang boleh diguna pakai oleh pihak yang berkepentingan semasa pandemik COVID-19 ini untuk menunjukkan bahawa situasi ini boleh ditangani dengan baik melalui perbincangan dan toleransi bersama.

Kata Kunci: COVID-19, Impak, Kesatuan Pekerja-Pekerja Industri Perkayuan Sabah (STIEU), Sabah, Respon, Pemimpin

ABSTRACT

Communities worldwide have been shocked by the severe health crisis caused by the COVID-19 outbreak that initially appeared in Hubei, Wuhan, later spread widely to various countries around the world. Not only does this pandemic causes health problems, but also has a significant impact on the economic and employment sectors. To avoid the worse effects of the pandemic COVID-19 and to adapt to this situation, a quick and innovative response from few parties is crucial. Many studies conducted throughout this COVID-19 show that the outbreak has different effects on different types of sectors or occupations. Therefore, by focusing on the timber industry as well as trade unions, this study was conducted to examine the impact of the COVID-19 pandemic on workers who appeared to be the members of the Sabah Timber Industry Workers Union (STIEU) and identify the response of STIEU leaders in facing this pandemic. Using a qualitative approach, the researcher interviewed three union leaders to obtain data, then analyzed by thematic analysis. In short, this study found that the pandemic has affected employee's income and layoffs in the organization. The union leaders then provided an appropriate response in the face of this pandemic. Based on the results of this study, the researcher also proposed an approach that can be adapted by certain parties during this COVID-19 pandemic to show that this situation can be handled well through mutual discussion and tolerance.

Keywords: *COVID-19, Impact, Sabah Timber Industry Workers Union (STIEU), Sabah, Response, Leaders*

ISI KANDUNGAN

TAJUK	
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI LAMPIRAN	xiii
BAB 1: PENGENALAN	1
1.1 PENDAHULUAN	1
1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN	2
1.3 PERMASALAHAN KAJIAN	5
1.4 PERSOALAN KAJIAN	7
1.5 OBJEKTIF KAJIAN	7
1.6 SIGNIFIKAN KAJIAN	7
1.7 SKOP KAJIAN	8
1.8 DEFINISI OPERASI	9
1.8.1 Respon	10
1.8.2 Kesatuan Sekerja	10
1.8.3 Kesatuan Pekerja-Pekerja Industri Perkayuan Sabah (Stieu)	11
1.8.4 Pemimpin Kesatuan Sekerja	11
1.9 ORGANISASI TESIS	12



1.10	RUMUSAN	14
BAB 2:	SOROTAN LITERATUR	15
2.1	PENGENALAN	15
2.2	KONSEP KAJIAN DAN SEJARAH RINGKAS	16
2.2.1	Pandemik COVID-19	16
2.2.2	Pandemik COVID-19 di Malaysia	19
2.2.3	Kesatuan Sekerja di Malaysia	22
2.3	KAJIAN LEPAS	25
2.3.1	Impak Pandemik COVID-19 Secara Global	25
2.3.2	Impak Pandemik COVID-19 di Malaysia	28
2.3.3	Respon Kerajaan dan Majikan dalam Menghadapi Pandemik COVID-19 Secara Global	30
2.3.4	Respon Kerajaan dan Majikan dalam Menghadapi Pandemik Covid-19 di Malaysia	32
2.4	INTEREST-BASED BARGAINING	36
2.5	PERBEZAAN DENGAN KAJIAN TERDAHULU	39
2.6	RUMUSAN	40
BAB 3:	METODOLOGI KAJIAN	41
3.1	PENGENALAN	42
3.2	REKA BENTUK KAJIAN	42

3.3	KAEDAH PENYELIDIKAN	42
3.4	SAMPEL KAJIAN	44
3.5	TEKNIK PERSAMPELAN	44
3.6	TEKNIK PENGUMPULAN DATA	44
	3.6.1 Pengumpulan Data Primer	45
	3.6.2 Pengumpulan Data Sekunder	46
3.7	INSTRUMEN KAJIAN	47
3.8	KAEDAH MENGANALISIS DATA	48
3.9	RUMUSAN	51
BAB 4:	ANALISIS DAPATAN KAJIAN	52
4.1	PENGENALAN	52
4.2	ANALISIS DESKRIPTIF DEMOGRAFI INFORMAN	54
4.3	ANALISIS DESKRIPTIF KESATUAN SEKERJA	55
	4.3.1 Ahli Kesatuan Sekerja	55
	4.3.2 Pembentukan Kesatuan secara Ringkas	56
	4.3.3 Penerimaan Majikan terhadap Kesatuan Sekerja	57
	4.3.4 Perundingan Kolektif	58
4.4	MENGAJAI IMPAK COVID-19 TERHADAP PEKERJA DALAM KESATUAN PEKERJA-PEKERJA INDUSTRI PERKAYUAN SABAH (STIEU)	59
	4.4.1 Menjejaskan Pendapatan Pekerja	59
	4.4.2 Pembuangan Pekerja	62
4.5	MENGENALPASTI RESPON PEMIMPIN DALAM MENGHADAPI	65

	PANDEMIK COVID-19	
	4.5.1 Mengadakan Kempen Kesedaran	68
	4.5.2 Menyalurkan Bantuan	69
	4.5.3 Mengembalikan Hak Pekerja	70
4.6	RUMUSAN	74
BAB 5:	PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	75
5.1	PENGENALAN	75
5.2	RINGKASAN KAJIAN	76
5.3	PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN	78
	5.3.1 Mengenal Pasti Impak Pandemik COVID-19 terhadap Pekerja dalam Kesatuan Pekerja-Pekerja Industri Perakayuan Sabah (STIEU)	80
	5.3.2 Mengkaji Respon Pemimpin Kesatuan Pekerja-Pekerja Industri Perakayuan Sabah (STIEU) dalam menghadapi Pandemik COVID-19	85
5.4	PERKEMBANGAN ANALISIS KERANGKA KONSEPTUAL DAN DAPATAN KAJIAN	89
5.5	IMPLIKASI KAJIAN	93
5.6	LIMITASI ATAU BATASAN KAJIAN	97
5.7	CADANGAN KAJIAN AKAN DATANG	98
5.8	KESIMPULAN	100
RUJUKAN		101
LAMPIRAN		106

SENARAI JADUAL

Jadual 3.1:	Tarikh dan Masa Temu Bual bersama Informan	46
Jadual 3.2:	Contoh Transkrip dan Subtema	49
Jadual 4.1:	Maklumat Demografi Informan	54
Jadual 4.2:	Jumlah Cawangan Mengikut Daerah	55

SENARAI RAJAH

Rajah 2.1:	Interest-Based Negotiation Model	37
Rajah 4.1:	Impak Pandemik COVID-19 terhadap Pekerja dalam Kesatuan Pekerja-Pekerja Industri Perakayuan Sabah (STIEU)	53
Rajah 4.2:	Respon Pemimpin Kesatuan Pekerja-Pekerja Industri Perakayuan Sabah (STIEU) dalam Menghadapi Pandemik COVID-19	54
Rajah 5.1:	Kerangka Model	92

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN A	Protokol Soalan Temu Bual	106
LAMPIRAN B	Transkrip 1	108
	Transkrip 2	117
	Transkrip 3	122



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Pandemik COVID -19 yang telah dikenal pasti sejak Disember 2019 sehingga kini menjadi wabak yang merunsingkan penduduk dunia. Daripada awal penyebarannya, pelbagai berita buruk dipaparkan di televisyen dan media sosial mengenai kesan yang dialami oleh mereka yang terkena jangkitan begitu juga dengan orang disekeliling mereka. Sesuai dengan istilah pandemik, wabak COVID-19 kini tersebar luas ke seluruh dunia selama setahun lebih dan masih terdapat negara yang mengalami kesukaran dalam menyelesaikan isu ini termasuklah Malaysia. Sejak penyebaran virus ini, pelbagai impak dapat dilihat sama ada dari segi politik, ekonomi dan juga sosial.

Kajian ini dihasilkan untuk melihat secara khusus impak pandemik COVID-19 terhadap sektor pekerjaan kerana ianya merupakan sektor yang banyak terjejas apabila pelbagai jenis perintah pergerakan dikuatkuasakan. Selain itu, kajian ini juga dilaksanakan bagi melihat respon daripada pihak yang berkaitan dalam menghadapi pandemik ini. Justeru, hasil kajian akan dibentangkan dalam kertas kajian ini mengikut bab. Bab 1 mengandungi latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, signifikan kajian, skop kajian, definisi operasi, organisasi tesis dan berakhir dengan rumusan bab.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kajian ini dijalankan berdasarkan topik Respon Pemimpin-Pemimpin Kesatuan Sekerja dalam Menghadapi Pandemik COVID-19 dan kajian memfokuskan kepada satu kesatuan sahaja. Penyebaran COVID-19 ke negara-negara di seluruh dunia telah memberikan impak yang besar kepada semua. Pada 31 Disember 2020, Suruhanjaya Kesihatan Perbandaran China telah melaporkan sejumlah kes Pneumonia yang kemudiannya dinamakan sebagai COVID-19 di wilayah Hubei, Wuhan (Song & Zhou, 2020). Sejurus selepas itu, kes berkaitan penyakit ini semakin merebak bukan sahaja di dalam wilayah Hubei tetapi ke seluruh dunia sehinggakan World Health Organization (WHO) mengeluarkan kenyataan rasmi bahawa COVID-19 dikategorikan sebagai satu pandemik (WHO, 2020).

Menurut Morens, Folkers & Fauci (2009), antara ciri-ciri pandemik ialah ianya melangkaui batasan geografi yang luas, kadar serangan dan jangkitan yang tinggi, penyebaran penyakit melalui penularan dapat dikesan dari satu tempat ke satu tempat yang lain dan juga boleh membawa maut. Dengan kata lain, COVID-19 ini amatlah berbahaya dan ianya boleh memberikan kesan yang buruk kepada masyarakat dunia. Seperti negara lain, Malaysia juga turut merekodkan kes COVID-19 bermula pada Februari 2020 melalui seorang lelaki berusia 41 tahun yang mana beliau didapati baru sahaja kembali dari luar negara. Rentetan daripada kes pertama ini, kerajaan mula mendapatkan maklumat pergerakan rakyat Malaysia yang mempunyai sejarah perjalanan daripada negara terjejas COVID-19 untuk mengekang penyebaran wabak.

Krisis kesihatan ini bukan sahaja menyebabkan kehilangan nyawa yang banyak tetapi juga memberikan kesan yang signifikan kepada pelbagai sektor termasuklah sektor ekonomi. Bahkan di peringkat global, kesan pandemik COVID-19 ini amat ketara apabila pasaran saham merosot dari paras tertinggi dan merupakan penurunan yang terbesar dalam masa seminggu sejak krisis kewangan global 2008 (GFC). Selain itu, harga minyak di Amerika Syarikat turut berubah menjadi negatif buat pertama kalinya setelah rekod pengeluaran minyak kehabisan ruang untuk menyimpan lebih bekalan minyak mentah (Song & Zhou, 2020). Sejak penularan wabak ini, pelbagai kajian telah dijalankan bagi melihat sejauhmana pandemik ini memberikan kesan kepada kehidupan harian manusia sejagat.

Song & Zhou (2020) telah menyimpulkan beberapa cabaran yang bakal dihadapi akibat daripada COVID-19 dalam kajian mereka antaranya jurang pendapatan dan kekayaan dalam kalangan negara akan semakin meningkat. Hal ini kerana, penutupan aktiviti ekonomi oleh pemimpin bagi membendung penyebaran wabak membantutkan pertumbuhan ekonomi negara. Keadaan ini sekaligus akan memberikan impak yang sangat ketara kepada negara yang miskin berbanding negara-negara yang membangun. Data daripada IMF Policy Tracker (IMF, 2020) menunjukkan bahawa negara miskin pada masa ini amat memerlukan bantuan antarabangsa. Hasil kajian mereka juga turut menyebutkan beberapa situasi yang berlaku dan akan terjadi sekiranya ekonomi negara tidak berjalan seperti biasa disebabkan oleh COVID-19.

Kesan ini dilihat secara global sahaja. Namun apabila difokuskan kepada rakyat dalam negara, penguncupan ekonomi ini akan memberikan impak kepada pekerjaan mereka. Pelbagai jenis pekerjaan menerima impak yang negatif disebabkan oleh pelaksanaan penjarakan sosial, bekerja daripada rumah serta sekatan dan penutupan (lockdown). Seperti yang diperolehi oleh Nicola M., et.al. (2020) dalam kajian mereka, pandemik COVID-19 memberikan kesan yang besar kepada ketiga sektor utama iaitu sektor primer, sekunder dan juga tertier. Sebagaimana dalam kajian-kajian yang pernah dijalankan, pandemik COVID-19 mengakibatkan penutupan organisasi dan kewangan menjadi rapuh (Alexander, et.al., 2020). Secara umumnya, sektor-sektor ekonomi telah mengalami kerugian sepanjang tempoh pandemik COVID-19 ini.

Jika dilihat pula kepada pekerja, organisasi atau perniagaan yang tidak stabil telah menjejaskan pekerja secara tidak langsung. Berdasarkan kajian oleh beberapa pengkaji tempatan seperti Abdul R. A., (2020) dan juga Mohd, Z. Z., (2020), apabila lebih banyak organisasi dihentikan, kes pengangguran akan semakin meningkat disebabkan oleh sukarnya untuk mendapatkan pekerjaan dan juga disebabkan oleh peningkatan jumlah pekerja yang dibuang kerja. Justeru dapat disimpulkan bahawa pandemik memberikan kesan kepada ekonomi dan sektor pekerjaan. Bagaimana pihak-pihak yang bertanggungjawab memberikan respon terhadap penularan COVID-19 ini dan kesannya terhadap ekonomi merupakan isu yang penting untuk dibincangkan pada masa kini.

Oleh itu, amatlah penting bagi negara untuk memastikan ekonomi dalam negara tidak terlalu merudum dan pada masa yang sama, perlu mengambil langkah yang proaktif demi kemaslahatan tenaga buruh. Hal ini kerana, mereka merupakan penggerak kepada ekonomi dan dalam tempoh yang sukar ini, kesihatan fizikal dan mental mereka perlu dijaga dengan baik. Di Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah memainkan peranan yang penting dalam memastikan wabak ini tidak tersebar dengan lebih meluas dan memperbanyakkan jumlah pusat kesihatan bagi merawat pesakit Covid-19 (Ain Umaira, et. al. 2020). Pada awal penularan, KKM telah mengarahkan untuk pemeriksaan kesihatan dilakukan di setiap pintu masuk dan antara yang perlu disediakan ialah pengimbas suhu.

Dengan kerjasama bersama kerajaan, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) turut dikuatkuasakan bagi mengekang penyebaran wabak (Ain Umairah, et. al. 2020). Pengekangan penularan wabak adalah penting sekiranya negara Malaysia ingin kembali kepada normal dan ingin aktiviti ekonomi bergerak seperti biasa. Selain itu, kerajaan Malaysia juga cakna dengan kekangan yang dihadapi oleh majikan untuk membayar gaji atau upah pekerja terutama sekali apabila pada musim COVID-19 ini, mereka sama sekali tidak dapat beroperasi dan tidak mempunyai pelanggan. 27 Mac 2020, YAB Perdana Menteri Malaysia telah mengumumkan Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) PRIHATIN yang mana pakej ini akan menyediakan bantuan segera untuk meringankan beban rakyat Malaysia umumnya (Pejabat Perdana Menteri Malaysia, 2020).

Kajian-kajian ke atas tindakan atau langkah yang diambil oleh majikan sesebuah organisasi juga merupakan salah satu kajian yang banyak dilakukan pada masa ini untuk melihat apakah tindakan yang diambil oleh majikan untuk mengekalkan organisasi dan pekerja mereka. Sekiranya dilihat secara umum, sektor swasta, sektor informal dan mereka yang bekerja sendiri antara yang terjejas teruk semasa pandemik ini berbanding mereka yang bekerja dalam sektor awam. Pelbagai kajian telah menelusuri pelbagai jenis sektor bagi melihat kesan-kesan pandemik terhadap sektor tersebut namun masih kurang lagi yang menyentuh soal sektor perikanan. Selain itu, kajian mengenai respon majikan dan kerajaan bagi sesebuah negara juga telah banyak dilaksanakan namun kajian tentang respon menghadapi pandemik daripada perspektif kesatuan sekerja masih kurang dilaksanakan.

1.3 Permasalahan Kajian

Pandemik COVID-19 yang melanda negara di seluruh dunia telah memberikan impak kepada politik, sosial dan terutamanya kepada ekonomi. Apabila Malaysia mula menunjukkan peningkatan dalam jumlah kes pesakit COVID-19, kerajaan telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang meminta rakyat Malaysia mematuhi beberapa arahan seperti penjarakan sosial, larangan merentas negeri dan pelbagai lagi. Arahan ini dilaksanakan bagi mengelakkan kawasan-kawasan awam menjadi sesak yang kemudiannya akan memudahkan penyebaran penyakit. Seperti Malaysia, negara-negara lain yang merekodkan kes COVID-19 turut melaksanakan undang-undang yang sama atas tujuan yang sama.

Tindakan kognitif yang diambil oleh kerajaan ini sememangnya satu tindakan yang pantas dan bersesuaian dengan situasi yang sedang berlaku kerana ianya dilaksanakan untuk menjamin keselamatan dan kesihatan rakyat Malaysia. Walau bagaimanapun, impak COVID-19 secara umumnya tidak dinafikan sedikit sebanyak menjejaskan kehidupan harian dan aktiviti rakyat Malaysia sama ada dalam bidang politik, ekonomi mahupun sosial. Sejak penularan wabak ini, aktiviti ekonomi bukan asas terpaksa ditutup dan mereka juga diarahkan untuk bekerja daripada rumah. Secara global, pandemik COVID-19 ini memberikan impak yang sangat besar terhadap ekonomi dan kepada pelbagai jenis pekerjaan.

Begitu juga di Malaysia, pelbagai sektor pekerjaan telah terjejas akibat pandemik COVID-19 termasuklah sektor seperti sektor pelancongan, pembuatan, pembinaan, perlombongan dan pertanian (Murgiah, 2020; Ain Umaira, et. al., 2020). Beberapa sektor dominan ini merupakan fokus kajian oleh pengkaji-pengkaji sepanjang tempoh pandemik ini. Kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang perlu dilakukan bagi membantu meringankan beban rakyat Malaysia sepanjang tempoh pandemik COVID-19 ini dengan memberikan pakej rangsangan ekonomi serta pakej-pakej bantuan yang lain. Kerajaan juga turut menyediakan bantuan khas buat syarikat-syarikat yang memerlukan bantuan kewangan kerana tidak mampu membayar gaji pekerja dan juga tidak mampu mengekalkan operasi mereka. Begitu juga dengan majkan sesebuah organisasi.

Antara strategi yang banyak dipraktikkan semasa pandemik ini ialah penggunaan teknologi dalam pemasaran dan juga dalam pelaksanaan tugas

memandangkan kerajaan telah mengarahkan semua sektor perlu ditutup sementara kecuali sektor keperluan asas sahaja. Kini, lebih ramai yang telah menggunakan medium seperti *Shopee* dan *Lazada* untuk memasarkan produk mereka. Selain itu, ramai juga yang telah mengubah operasi mereka dengan mengeluarkan produk penting semasa tempoh pandemik ini iaitu pelitup mulut dan hidung serta *hand sanitizers* dan pelbagai lagi produk yang menjadi keperluan pada masa kini. Respon yang pantas, kreatif dan inovatif merupakan satu aset yang penting dalam tempoh yang mencabar buat masa kini.

Pelbagai penulisan mengenai peranan majikan dan juga kerajaan diterbitkan namun kajian mengenai peranan kesatuan sekerja semasa pandemik COVID-19 ini masih kurang lagi dijalankan. Bahkan, kajian ke atas sektor perkayuan juga amatlah kurang diterokai. Sektor ini tidak dinafikan banyak terpampang di akhbar-akhbar seperti *Berita Harian* (2021) dan *Utusan Malaysia* (2021) namun kajian secara ilmiah ke atasnya masih kurang dijalankan. Oleh itu, pengkaji telah mengambil pendekatan untuk mengkaji sektor ini dan mengambil Kesatuan Pekerja-Pekerja Industri Perkayuan Sabah (STIEU) sebagai sumber utama dalam mendapatkan maklumat yang diperlukan.

Berdasarkan medium seperti Facebook yang merupakan medium penyampaian maklumat utama kesatuan sekerja dalam sektor perkayuan, kesatuan ini menghadapi pelbagai masalah sepanjang pandemik COVID-19 ini. Pelbagai perkongsian yang telah pengkaji baca dan terokai. Seperti yang sedia maklum, kesatuan sekerja merupakan salah satu badan yang penting dalam menjaga kebajikan para pekerja yang menjadi ahli kesatuan dan mereka juga penting dalam perbincangan dan perkongsian idea bersama majikan. Oleh itu, peranan kesatuan sekerja juga penting untuk diketengahkan sebagai panduan kepada pihak-pihak yang berkepentingan. Kajian ini dijalankan adalah untuk melihat respon dalam menghadapi pandemik COVID-19 namun daripada perspektif yang berbeza iaitu melalui perspektif kesatuan sekerja.

1.4 Persoalan Kajian

Persoalan kajian yang dapat dibentuk berdasarkan permasalahan tersebut ialah:

- i. Apakah impak pandemik COVID-19 terhadap pekerja dalam sektor perkayuan?
- ii. Apakah respon atau tindakan kesatuan sekerja dalam menghadapi pandemik COVID-19?

1.5 Objektif Kajian

Secara khususnya, kajian ini dijalankan berlandaskan dua objektif utama iaitu:

- i. Mengkaji impak pandemik COVID-19 terhadap pekerja dalam Kesatuan Pekerja-Pekerja Industri Perkayuan Sabah (STIEU).
- ii. Mengenal pasti respon pemimpin Kesatuan Pekerja-Pekerja Industri Perkayuan Sabah (STIEU) dalam menghadapi pandemik COVID-19.

1.6 Signifikan Kajian

Kajian ini amatlah penting untuk dijalankan kerana dapat memberikan gambaran sebenar tentang impak pandemik COVID-19 terhadap para pekerja khususnya pekerja industri perkayuan dan tindakan yang dapat dilakukan oleh kesatuan sekerja bagi membantu para pekerja sepanjang tempoh ini. Secara ringkasnya, kajian ini memberikan faedah dan kepentingan kepada beberapa pihak seperti pihak kerajaan mahupun swasta, majikan dan juga kesatuan sekerja daripada sektor yang berbeza. Bagi pihak kerajaan dan juga swasta, pihak yang memberikan bantuan kepada pekerja semasa pandemik COVID-19 dapat mengenal pasti sekiranya bantuan yang diberikan itu dapat membantu dan sejauhmana kecekapan pelaksanaan dan pemberian bantuan yang diberikan. Justeru, dengan adanya kajian ini, pihak yang berkuasa dapat melaksanakan pemberian bantuan dengan lebih cekap dan efisien agar dapat mengelakkan terdapat pekerja yang tercicir ataupun terdapat majikan yang mendiskriminasi pekerja.

Selain itu, kajian ini juga memberikan manfaat kepada majikan. Memandangkan kajian ini dijalankan berdasarkan perspektif kesatuan sekerja, majikan akan dapat mengetahui sejauhmana kesatuan sekerja mampu membantu para pekerja agar mereka boleh bekerja dengan baik di waktu yang sukar ini. Wujud kekangan dalam menjaga kebajikan pekerja sepenuhnya bagi kesatuan sekerja kerana terdapat faktor yang menjadi halangan serta sekiranya dilihat kepada fungsi kesatuan sekerja, mereka hanyalah pengantara majikan dan juga pekerja sekiranya berlaku kesalahfahaman antara kedua pihak dan kesatuan juga bertanggungjawab untuk melaporkan kepada pihak yang berkuasa sekiranya majikan mendiskriminasi pekerja. Oleh itu, untuk memastikan kebajikan pekerja dapat terjamin sepenuhnya disamping operasi organisasi juga turut berjalan dengan baik, majikan dan kesatuan sekerja memainkan peranan yang sangat penting.

Kajian ini juga penting kepada kesatuan sekerja yang lain sama ada dalam sektor yang sama mahupun sektor yang berbeza. COVID-19 tidak dapat dinafikan memberikan impak kepada sektor pekerjaan. Oleh itu, pengalaman yang dialami oleh Kesatuan Pekerja-Pekerja Industri Perakayuan Sabah (STIEU) dalam menghadapi pandemik COVID-19 dapat menjadi panduan kepada kesatuan sekerja yang lain untuk mengaplikasikan tindakan yang sama ataupun melakukan tindakan yang lebih baik dan efisien. Dengan ini, kesatuan sekerja dapat memastikan kebajikan dan sekuriti kerja ahli-ahli mereka dapat terjaga. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa kajian ini adalah sangat penting untuk dijalankan kerana ianya dapat memberikan manfaat kepada beberapa pihak yang berkaitan.

1.7 Skop Kajian

Berdasarkan kepada tajuk kajian, kajian ini hanya akan memfokuskan kepada satu kesatuan dibawah industri perakayuan iaitu Kesatuan Pekerja-Pekerja Industri Perakayuan Sabah (STIEU). Berdasarkan kepada isu yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (19-22 Februari, 2021), nilai eksport kayu dan hasil keluaran kayu bagi tahun 2020 menunjukkan penurunan yang cukup besar iaitu sebanyak RM481 juta, begitu juga dengan volum eskport bagi kayu dan keluaran kayu turut

mencatatkan penurunan sebanyak 17 ribu meter. Jika dilihat kepada jumlah yang besar ini, secara keseluruhannya, ianya memberikan impak yang besar buat ekonomi negara, namun perlu dilihat juga bagaimana ianya memberi kesan kepada pekerja yang mengusahakan dan melakukan pekerjaan dalam sektor ini.

Oleh itu, pemilihan sektor ini adalah disebabkan oleh pengkaji begitu tertarik dengan isu-isu yang mungkin dihadapi oleh mereka sepanjang tempoh pandemik COVID-19 ini. Memandangkan masih kurang lagi kajian-kajian dijalankan ke atas sektor perkayuan, maka pengkaji telah mencari sumber-sumber yang boleh memberikan maklumat bagi menggambarkan bagaimana pandemik COVID-19 memberikan kesan kepada sektor ini. Kajian ini juga dijalankan dengan menggunakan pemimpin kesatuan sekerja dalam sektor perkayuan sebagai informan kajian. Untuk mendapatkan data yang diperlukan, pengkaji telah mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan topik kajian melalui pemimpin kesatuan bermula daripada Presiden, Timbalan Presiden dan juga Setiausaha kesatuan.

Faktor utama pemilihan pemimpin kesatuan sebagai informan ialah kerana objektif kajian memerlukan perspektif pemimpin dalam melihat impak pandemik terhadap pekerja dan juga ingin mengenal pasti respon pemimpin kesatuan sekerja dalam menghadapi COVID-19. Kesatuan Pekerja-Pekerja Industri Perkayuan Sabah ini merupakan satu kesatuan kebangsaan dan mempunyai cawangan di beberapa buah daerah seperti Tawau, Keningau, Sipitang, Kota Marudu dan Kota Kinabalu. Walau bagaimanapun, dalam kajian ini, barisan pemimpin kesatuan yang menjadi informan merupakan pemimpin daripada cawangan Sipitang sahaja.

1.8 Definisi Operasi

Definisi bagi sesuatu konsep atau istilah haruslah jelas kerana ianya penting dalam memberikan kefahaman sebenar mengenai ruang lingkup kajian dan mampu membantu pengkaji menjalankan kajian dengan baik serta menjadi panduan untuk mencapai objektif kajian. Antara istilah yang perlu didefinisikan ialah:

RUJUKAN

- Abdul R., A. 2020. Pengangguran dalam Kalangan Tenaga Kerja semasa Wabak Covid-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(1), 1-9.
- Abed S. S. 2020. A Literature Review Exploring the Role of Technology in Business Survival during the COVID-19 Lockdowns. *International Journal of Organizational Analysis*. Diakses daripada <https://doi.org/10.1108/IJOA-11-2020-2501> pada 11 Mei 2021.
- Ain Umaira, et. al. 2020. COVID-19 Outbreak in Malaysia: Actions Taken by the Malaysian Government. *International Journal of Infectious Diseases*, 97, 108-116. Diakses daripada <https://doi.org/10.1016/j.ijid.2020.05.093> pada 29 Mei 2021.
- Akta. 2020. *Akta Kerja 1955 (Akta 265)*. Selangor, D. E: International Law Book Services.
- Aljanah Abdul Razek. 2008. *Persepsi Ahli Kesatuan Sekerja Terhadap Perundingan Kolektif: Polisi Mesra Keluarga di Ibu Pejabat Pos Malaysia Berhad Sabah, Kota Kinabalu*. Sekolah Sains Sosial. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Ahmad Rafli C. O., Suraiya Ishak & Mohd Abdullah J. 2020. The Impact of Covid-19 Movement Control Order on SMEs' Businesses and Survival Strategies. *Malaysian Journal of Society and Space*, 16(2), 139-150.
- Alexander, W. B. et. al. 2020. How are Small Business Adjusting to Covid-19? Early Evidence from a Survey. *NBER Working Paper Series*. April 2020, Cambridge MA.
- Baru bin Kahung. 2006. *Hubungan Tingkat Upah dengan Tahap Pendidikan Dikalangan Buruh Wanita Suku Kaum Melayu Brunei: Kajian Kes di Kampung Seberang Benoni Papar*. Sekolah Perniagaan dan Ekonomi. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Bass, B. M. 1985. *Leadership and Performance*. New York: Free Press.
- Berita dan Isu Semasa Impak COVID-19 kepada Ekonomi*. Jabatan Perangkaan Malaysia. 2021

- Benitez, J., Courtemanche, C. & Yelowitz, A. 2020. Racial and Ethnic Disparities in COVID-19: Evidence from Six Large Cities. *Journal of Economics, Race and Policy*, 3(4), 243-261.
- Burns, J. M., 1978. *Leadership*. New York: Harper and Row.
- Chaudhary, V. et. al. 2021. Advancements in Research and Development to Combat COVID-19 Using Nanotechnology. *Nanotechnology for Environment Engineering*, 6(8), 1-15. Diakses daripada <https://doi.org/10.1007/s41204-021-00102-7> pada 15 Mei 2021.
- Creswell, J. W. 2009. *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*. 3rd Ed. Sage Publications, Inc.
- Dr Meenakshi, K. & Neha, G. 2020. The Impact of Pandemic COVID-19 in Workplace. *European Journal of Business and Management*, 12(15), 9-18.
- Dr Mohammad, T. Z. (2020). Accelerating the Performance of SME Business in Malaysia during Covid-19 Pandemic Crisis. 3rd International Seminar on Islam and Science 2020 (SAIS 2020), 15 Oktober, 2020.
- Dr Olufemi, A. 2020. Managing Small Business in Nigeria during Covid-19 Crisis: Impact and Survival Strategies. *IOSR Journal of Business and Management*, 22(8), 24-34.
- Elengoe A. 2020. COVID-19 Outbreak in Malaysia. *Osong Public Health Res Perspect*, 11(3), 93-100.
- Elya, M. R. & Mohd, F. S. 2021. Impact on Tourism due to Covid-19. *Journal of Postgraduate Current Business Research*, 6(1), 1-5.
- Fabeil, et. al. 2020. The Impact of Covid-19 Pandemic Crisis on Micro-Enterprises: Entrepreneurs' Perspective on Business Continuity and Recovery Strategy. *Journal of Economics and Business*, 3(2), 837-844.
- Fuad Mohamed Berawi. 2017. *Metodologi Kajian Panduan Menulis Tesis*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Ikrar, G. R. 2020. Tourism Industry Crisis and its Impact: Investigating the Indonesian Tourism Employees Perspectives' in the Pandemic of Covid-19. *Jurnal Kepariwisata: Destinasi, Hospitalitas dan Perjalanan*, 4(2), 1-15.

- IMF Annual Report 2020*. The International Monetary Fund (IMF). 2020.
- Ismail, F. et.al. 2018. Peranan dan Penerimaan Kesatuan Sekerja di Malaysia. *Human Sustainability Procedia*.
- Jack, L. H. et. al. 2020. Key Adaptations of SME Restaurants in Malaysia Amidst the COVID-19 Pandemic. *International Journal of Research in Business and Social Science*, 9(6), 12-23.
- John, E. A. 2020. COVID-19 Pandemic, a War to be Won: Understanding its Economic Implications for Africa. *Applied Health Economics and Health Policy*, 18, 325-328. Diakses daripada <https://doi.org/10.1007/s40258-020-00580-x> pada 13 Mei 2021.
- Kee Mohd Yussof, K.Y.S. Zakaria, N. & Ahmad, M. 2015. Transformasi Kesatuan Sekerja di Malaysia: Isu, Cabaran dan Masa Depan. *Persidangan Transformasi Sosial ke-2*. Fakulti Kemanusiaan Seni dan Warisan, UMS.
- Komin, W. et al. 2020. Covid-19 and its Impact on Informal Sector Workers: A Case Study of Thailand. *Asia Pacific Journal of Social Work and Development*. Diakses daripada <https://doi.org/10.1080/02185385.2020.1832564> pada 13 Mei 2021.
- Lery Lardo, J. 2019. *Perkembangan Kesatuan Sekerja dalam Pelbagai Sektor di Sabah dari Tahun 2016 Sehingga 2019*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah (UMS).
- Maimunah Aminuddin. 2016. *Malaysian Industrial Relations & Employment Law*. 9th Edition. Selangor: McGraw Hill Education. Oxford University Press.
- Maimunah Aminuddin. 2018. *Human Resource Management Principles and Practices*. 4th Edition.
- Maria bin Yapan. 2009. *Proses dan Kesan Perundingan Kolektif Sebagai Alat Menyelesaikan Pertikaian Industri: Kajian di Pejabat Pos Besar, Kota Kinabalu*. Sekolah Sains Sosial. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- McCarthy, J. M. 2020. Working in a Pandemic Exploring the Impact of COVID-19 Health Anxiety on Work, Family and Health Outcomes. *Journal of Applied Psychology*, 105 (110), 1234-1245.

- Min M.T., Ahmad Farouk Musa & Tin T. S. 2021. The Role of Religion in Mitigating the COVID-19 Pandemic: The Malaysia Multi-Faith Perspectives. *Health Promotion International*, 1-13.
- Mohammad W. H., et. al. 2020. The Impact of Coronavirus (COVID-19) on E-Business in Malaysia. *Asian Journal of Multidisciplinary Studies*, 3(1), 85-90.
- Muhammad Adnan Shereen et.al. 2020. COVID-19 Infection: Origin, Transmission and Characteristics of Human Coronaviruses. *Journal of Advanced Research*, 24, 91-98.
- Morens, Folkers & Fauci. 2009. What is a Pandemic? *The Journal of Infectious Diseases*, 200(7), 1018-1021. Diakses daripada <https://doi.org/10.1086/644537> pada 21 Jun 2021.
- Nicola M. et.al. 2020. The Socio-economic Implications of the Coronavirus Pandemic (COVID-19): A Review. *International Journal of Surgery*, 78, 1-9. Diakses daripada <https://doi.org/10.1016/j.ijssu.2020.04.018> pada 19 April 2021
- Nurul `Afiah, M. 2020. Survival Strategies on Muslim Small and Medium Enterprise (SME) Owners during Covid-19: A Study on Tourism Industry in Malacca. 3rd UUM International Islamic Business Management Conference 2020 (IBMC 2020).
- Oktavianus, S. P. 2017. Respon Karyawan PT. Pembangkitan Jawa-Bali Mengenai Isi Media Internal Info PJB. *Jurnal E-Komunikasi*, 5(1), 1-12.
- Pakej Rangsangan Ekonomi PRIHATIN*. Pejabat Perdana Menteri Malaysia. 2020.
- Penyakit Novel Coronavirus (COVID-19)*. Kementerian Kesihatan Malaysia. 2020.
- Webb, A., McQuaid, R. & Rand, S. 2020. Employment in the Informal Economy: Implications of the COVID-19 Pandemic. *International Journal of Sociology and Social Policy*, 40(9/10), 1005-1019.
- Rampal, L., Dr PH. & Liew Boon Seng. 2020. Coronavirus Disease (COVID-19) Pandemic. *Med J Malaysia*, 75(2), 95-97.
- Rogers, R. 2017. *What Qualities Make an Effective Teacher Labor Union Leader?* Graduate School of Education and Psychology. Pepperdine University.

- Rohana Yusof. 2004. *Penyelidikan Sains Sosial*. Bentong: PTS Publication & Distributors Sdn Bhd, Pahang Darul Makmur.
- Rozita Ibrahim, Muhammad Rahimi Hasan & Bahiyah Abdul Hamid. 2018. Takrif Kepimpinan, Ciri-Ciri Pemimpin dan Motivasi untuk Memimpin Menurut Sudut Pandang Wanita Akar Umbi. *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 19, 28-42.
- Sanger, V. B. et al. 2021. More Important than Ever: Embracing Digital Marketing to Survive COVID-19. *Conference on Management, Business, Innovation, Education and Social Science*, 1(1), 74-89.
- Skare, M. Soriano, D. R. & Porado-Rochon. 2020. Impact of COVID-19 on the Travel and Tourism Industry. *Technological Forecasting & Social Change*, 163, 1-14. Diakses dari <https://doi.org/10.1016/j.techfore.2020.120469> pada 12 April 2021.
- Song, L. & Zhou, Y. 2020. The COVID-19 Pandemic and Its Impact on the Global Economy: What Does It Take to Turn Crisis into Opportunity? *China & World Economy*, 28(4), 1-25.
- Tan-Chin, L. 2021. Effectiveness of the Covid-19 Economic Stimulus Packages: Viewpoints from Malaysian Young Entrepreneurs. *Estudios Economica Aplicada*, 39(4), 1-7. Diakses dari <https://doi.org/10.1080/02185385.2020.1832564> pada 12 April 2021.
- Tormasyan, G. & Minasyan, D. 2020. The Impact of Motivation on Work Efficiency for Both Employers and Employees Also During COVID-19 Pandemic: Case Study from Armenia. *Business Ethics and Leadership*, 4(3), 25-35. Diakses daripada [http://doi.org/10.21272/bel.4\(3\).25-35.2020](http://doi.org/10.21272/bel.4(3).25-35.2020) pada 12 April 2021.
- Weiji, G. Z. et.al. 2020. Clinical Characteristics of Coronavirus Disease 2019 in China. *The New England Journal of Medicine*, 382 (18), 1708-1720.
- Yusrita Long. 2008. *Perundingan Kolektif Sebagai Mekanisme Kesatuan Sekerja untuk Meningkatkan Kebajikan Pekerja: Kajian Kes di Syarikat Pos Malaysia Cawangan Kota Kinabalu, Sabah*. Sekolah Sains Sosial. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- World Health Organization Report*. World Health Organization (WHO). 2020.